

Indeks kadar jenayah turun

Berita Harian 22/04/2010 M/S 4

Penurunan ketara pada suku pertama 2010 petanda baik

Oleh Faiza Zainudin
dan Nor Fazlina Abdul Rahim
bhnews@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Sasaran kerajaan untuk mengurangkan kadar jenayah, satu daripada enam Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) mencatatkan kejayaan memberangsangkan apabila indeks kadar jenayah bagi suku pertama tahun ini mencatatkan penurunan ketara.

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, berkata data yang diterima pihaknya, menunjukkan kadar kejadian jenayah, termasuk jenayah jalanan menurun terutama di 50 lokasi yang disenaraikan sebagai kawasan panas di seluruh negara.

Bagaimanapun, beliau enggan mengulas lanjut peratus penurunan kadar jenayah itu kerana laporan mengenainya perlu dibentangkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak terlebih dahulu.

"Ia petanda baik, sebenarnya saya terima laporan dan juga maklum balas orang ramai yang merasai kadar jenayah menurun di kawasan panas, cuma dari segi pro-

sedur saya tidak boleh umumkan, saya kena bantangkan kepada Perdana Menteri dulu sebelum saya umumkan dalam masa terdekat ini.

"Sasaran kita jelas untuk menurunkan kadar jenayah jalanan sebanyak 20 peratus menjelang hujung tahun ini dan sasaran kerajaan untuk mengurangkan sekurang-kurangnya lima peratus jenayah indeks keseluruhan yang dilaporkan setiap tahun untuk tiga tahun akan datang. Saya gembira untuk suku tahun pertama ini sudah menunjukkan kejayaan memberangsangkan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas majlis menandatangani komitmen kerjasama di antara Kementerian Dalam Negeri dengan syarikat berkaitan kerajaan (GLC), pihak berkuasa tempatan (PBT), badan berkanun dan syarikat swasta bagi menjayakan NKRA di sini, semalam.

Antara agensi menandatangani kerjasama itu termasuk Sime Darby Property, Felda, Puncak Niaga, Telekom Malaysia Bhd, Sistem Televisyen Malaysia Berhad (TV3), Bursa Malaysia Berhad, Pos Malaysia Berhad,

Uda Holding Berhad, Petronas dan Bank Simpanan Nasional.

Sementara itu, Hishammuddin menyambut baik usaha 36 GLC, PBT, badan berkanun dan syarikat swasta yang bergabung tenaga bersama kementerian menjayakan NKRA bagi mengurangkan kadar jenayah seperti yang digariskan kerajaan dalam Program Transformasi Kerajaan (PTK), Januari lalu.

Agensi berkenaan, katanya memberi kerjasama dan sumbangan dalam bentuk menaja balai polis bergerak, pondok polis, peluasan liputan kamera litar tertutup serta peluasan kawasan penguasaan dan rondaan polis bantuan di luar premis masing-masing.

Sementara itu, Hishammuddin berkata, tiga kementerian akan menjalankan sia-

FAKTA NOMBOR

50

lokasi

Disenaraikan sebagai kawasan panas kadar jenayah di seluruh negara

satan terhadap bekas Mufti Perlis, Dr Mohd Asri Zainul Abidin yang didakwa mengeluarkan artikel di sebuah laman web berunsur hasutan terhadap agama dan institusi Raja-Raja Melayu, baru-baru ini

Beliau berkata, siasatan dilakukan kementerianya, Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan serta Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi bagi mencari punca dakwaan dan tindakan sewajarnya.

Beliau berkata, pihaknya tidak lagi memberi amaran kepada Mohd Asri atau mana-mana pihak terbabit kerana sudah banyak kali diingatkan, selain kes membabitkan perkara itu sudah terlalu banyak.

"Institusi yang menjadi tiang seri negara kita ini tidak boleh kita benar diperlekehkan begitu rupa, walaupun dunia hari ini tanpa sempadan, mesti ada batas pembinaan negara bangsa, identiti perlu dihormati.

"Namun hendak bawa ke mahkamah, kena bawa bukti mencukupi untuk pendakwaan dan hukuman kepada mereka yang terbabit bagi memastikan tiada penganiayaan berlaku." katanya.